

NO. SOALAN: 82

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH]**

SOALAN NO. 82

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pemberian bantuan kewangan kepada Sekolah Persendirian sehingga Jun 2019 dan sejauh mana bantuan berkenaan telah menepati sasaran Kementerian.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Semasa ucapan Belanjawan 2019, Kerajaan telah meluluskan peruntukan Tabung Penyelenggaraan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) sebanyak RM12 juta yang telah disalurkan terus sepenuhnya kepada 62 buah SMPC. Peruntukan ini disalurkan terus oleh Kementerian Kewangan kepada sekolah yang berkenaan.

Sementara itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pula menerima peruntukan sebanyak RM25 juta daripada Kementerian Kewangan khusus untuk menaik taraf dan menyelenggara sekolah agama persendirian dan sekolah agama rakyat. Peruntukan kewangan ini diberikan kepada sekolah yang berdaftar dengan KPM atau Pihak Berkuasa Agama Negeri yang melaksanakan Kurikulum Kebangsaan berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh pihak sekolah. Peruntukan ini bertujuan untuk menaik taraf dan menyelenggara sekolah mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh KPM.

NO. SOALAN: 82

Sehingga tamat tempoh permohonan, sebanyak 239 buah sekolah agama yang berdaftar dengan KPM dan Pihak Berkuasa Agama Negeri telah menghantar permohonan. Permohonan tersebut sedang diteliti bagi memastikan peruntukan hanya diberikan kepada permohonan yang memenuhi syarat dan kriteria peruntukan kewangan yang ditetapkan.

RT08/82